

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Kuala Langat/Sepang)

TARIKH: 29 DISEMBER 2017

M/S : 22

## Ketua kampung bimbang isu sampah tidak selesai

KUALA LANGAT - Isu sisa pepejal dan sampah haram dilihat tidak akan selesai sekiranya tiada pemantauan yang berterusan dilakukan.

Demikian antara luahan beberapa ketua kampung yang menggesa semua pihak mencari jalan bagaimana mengatasi masalah berkenaan.

Ketua Kampung Kanchong Darat, Abdul Rani Abas berkata, beliau kesal apabila isu sampah haram tidak diberi perhatian khusus.

Menurutnya, isu sampah tidak dikutip mengikut jadual menjadi topik hangat dalam perjumpaan bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) kelmarin sekaligus memohon tindakan segera dilakukan.

"Sebagai ketua kampung, kita faham tugas dan tanggungjawab pihak kontraktor namun saya fikir apabila pelaksanaan tugas tak mampu dilakukan memberi masalah kepada semua pihak," katanya.


Abdul Rani berkata, sebelum ini, pelbagai cadangan diberikan termasuk memohon tong roro bagi kegunaan masyarakat akibat tong sampah yang disediakan terhad.

"Pihakitu beritahu ia bakal melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi, tetapi dalam mesyuarat semalam (kelmarin) YDP MDKL maklumkan pertengahan bulan Januari nanti penyerahan tong roro akan diberikan mengikut keluasan kampung.

"Bagaimanapun, sikap masyarakat yang tidak cakna juga merupakan faktor berlakunya longgokan sampah haram.

"Pernah sekali saya ternampak longgokan sampah domestik seperti kulit udang, buah kelapa dilonggokkan dalam kuantiti yang terlalu banyak, keadaan itu mengundang masalah kepada persekitaran.

"Jadi...saya terpaksa buat pengumuman setiap hari Jumaat, sebelum khutbah untuk mohon jasa baik masyarakat jangan buang sampah di kawasan yang tak sepatutnya, tetapi masih juga berlaku longgokan sampah haram," katanya.



ABDUL RANI